

# Aerotrain sedia sokong pemuliharaan prestasi KLIA

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

utusannews@mediamulia.com.my

**SEPANG:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berpuas hati terhadap perkhidmatan Aerotrain baharu di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1 yang beroperasi semula sepenuhnya semalam.

Menurut Anwar, perkhidmatan tren baharu dinaik taraf itu disifatkan begitu memuaskan berbanding perkhidmatan sebelumnya selepas menawarkan kelajuan lebih laju.

“Good (baik), lebih laju berbanding sebelumnya,” katanya ringkas ketika ditemui sewaktu melakukan tinjauan operasi hari pertama Aerotrain di KLIA Terminal 1 di sini semalam.

Perkhidmatan tren automatik tanpa pemandu yang dimodenkan itu dinaik taraf bernilai RM456 juta menerusi Pelan Pemuliharaan Lapangan Terbang Malaysia Airports Holdings Bhd. (MAHB) berjumlah RM742 juta.

Aerotrain yang menjadi ikon KLIA sejak 1998 itu, kini dilengkapi set tren Alstom Innovia APM 300R yang serba canggih.

Setiap unit tiga gerabak mampu membawa sehingga 270 penumpang dan bergerak pada kelajuan maksimum 56 kilometer sejam, seterusnya membolehkan perjalanan an-

tara terminal utama dan terminal satelit disingkatkan kepada kurang tiga minit.

Tren baharu itu turut dilengkapi sistem pemantauan keadaan yang canggih bagi mengurangkan gangguan perkhidmatan dan meningkatkan kecekapan operasi, sekali gus memberikan lebih keselesaan kepada penumpang.

Terminal 1 KLIA kini mencatatkan lebih 100,000 pergerakan penumpang setiap hari.

Aerotrain menjadi penghubung penting terutama bagi penumpang transit antarabangsa yang melalui terminal satelit yang menempatkan kebanyakan syarikat penerbangan jarak jauh.

Dengan operasi penuh yang

kini telah disambung semula, MAHB menjangkakan sistem Aerotrain baharu itu akan meningkatkan kesiapsiagaan KLIA untuk menampung pertambahan jumlah penumpang menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026 selain menyokong pemuliharaan prestasi lapangan terbang ke tahap sebelum pandemik.



**ANWAR** Ibrahim berpuas hati selepas menaiki Aerotrain yang beroperasi semula di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1, Sepang, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

UTUSAN MALAYSIA

02 JUL 2025

m/s: 3